

**D.R. 42/97**

**Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan**

**RANGUNDANG-UNDANG**

*bernama*

Suatu Akta untuk mengesahkan pemungutan fee dan bayaran berkenaan dengan apa-apa kemasukan ke mana-mana pameran yang diadakan di Planetarium Negara selama tempoh mulai 8 Februari 1994 hingga 15 November 1997.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Fee (Planetarium Negara) (Pengesahan) 1997.

Tajuk ringkas.

2. (1) Walau apa pun peruntukan-peruntukan Akta Fee 1951, fee dan bayaran yang telah dikenakan dan dipungut oleh Bahagian Kajian Sains Angkasa, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Malaysia berkenaan dengan apa-apa kemasukan ke mana-mana pameran yang diadakan di Planetarium Negara selama tempoh mulai 8 Februari 1994 hingga 15 November 1997, iaitu, hari sebelum tarikh Perintah Fee (Planetarium Negara) 1997 mula berkuatkuasa, hendaklah disifatkan telah dikenakan dan dipungut dengan sah.

Pengesahan dan penanggung-rugi. Akta 209.

(2) Tiada tindakan atau prosiding undang-undang boleh dibawa, dimulakan atau disenggarakan terhadap Kerajaan

Malaysia atau mana-mana pegawai Kerajaan Malaysia atau mana-mana orang yang bertindak di bawahnya atau mana-mana daripada antara mereka berkenaan dengan apa-apa fee dan bayaran yang telah dikenakan dan dipungut dan jika apa-apa tindakan atau presiding undang-undang sedemikian telah dibawa, dimulakan atau disenggarakan, ia hendaklah dibatalkan dan dijadikan tidak sah dan tiada pembayaran balik berkenaan dengan fee dan bayaran yang telah dikenakan dan dipungut seperti yang dinyatakan dalam Akta ini boleh dibuat.

#### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengesahkan pemungutan fee dan bayaran tertentu yang telah dikenakan dan dipungut berkenaan dengan apa-apa kemasukan ke mana-mana pameran yang diadakan di Planetarium Negara selama tempoh mulai 8 Februari 1994 hingga 15 November 1997, iaitu, dari hari Planetarium Negara itu dibuka kepada orang ramai sehingga ke hari sebelum tarikh Perintah Fee (Planetarium Negara) 1997 mula berkuatkuasa. Fee dan bayaran itu telah dibayar kepada dan dipungut oleh Planetarium Negara yang telah diuruskan oleh Bahagian Kajian Sains Angkasa, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Walau bagaimanapun, fee dan bayaran yang dikenakan dan dipungut telah tidak diwartakan di bawah Akta Fee 1951 melalui suatu Perintah Fee yang sepatutnya dibuat dan dijadikan berkuatkuasa mulai 8 Februari 1994.

#### *IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN. (U<sup>2</sup>) 1991.]